

14/05/2000

Ahli parti alu-alukan ucapan penggulungan Presiden

UCAPAN berterus terang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menggulung perbahasan di perhimpunan agung Umno semalam disifatkan bukti keikhlasan Perdana Menteri untuk memastikan parti itu terus relevan kepada bangsa Melayu dan rakyat Malaysia pada masa akan datang.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata pemimpin harus sanggup menemui rakyat dan memberi penjelasan mengenai pelbagai tohmahan kepada parti dan kerajaan, bukannya menyerahkan kepada pucuk pimpinan semata-mata.

Katanya, saranan Dr Mahathir supaya semua pemimpin parti turun padang, jika dilaksanakan, boleh mengukuhkan lagi kedudukan Umno dan menarik semula sokongan rakyat, yang terjejas pada pilihan raya umum lalu.

Mengenai kenyataan Dr Mahathir bahawa Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menggantikannya nanti, Najib berkata perkara itu sudah diterima sebagai prinsip parti iaitu Timbalan akan menggantikan Presiden.

Seorang lagi Naib Presiden, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, menyifatkan ucapan Dr Mahathir sebagai amat baik dan berjaya menaikkan moral ahli parti untuk memperkukuhkan semula Umno.

Katanya, Presiden parti menggariskan tanggungjawab pemimpin dan ahli parti serta perkara remeh temeh yang perlu diketepikan bagi membina kekuatan itu.

"Umno berkehendakkan ahli parti yang mampu bertindak pada bila-bila masa dan di mana-mana jua, sekali gus mengesahkan kualiti Umno sebagai parti teras Barisan Nasional.

"Tidak ada gunanya kerajaan kuat tetapi Umno lemah. Untuk jadikan Umno kuat, ia memerlukan ahli Umno yang kuat," katanya.

Naib Presiden, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, pula berkata ucapan Presiden Umno memberi semangat tinggi kepada ahli pada semua peringkat untuk bekerja keras kerana cabaran besar yang dihadapi.

"Perdana Menteri mengingatkan usaha yang kita lakukan perlu mencapai ke peringkat akar umbi untuk pulihkan keyakinan masyarakat Melayu terhadap Umno," katanya.

Selain itu, pendekatan tolak ansur dalam menyelesaikan konflik dan permasalahan yang dihadapi pegawai tadbir kerajaan perlu.

Ketua pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishamuddin Tun Hussein, berkata semua ahli Umno perlu memastikan parti sentiasa terpelihara dan hanya perpaduan serta kesedaran ahli dapat memulihkan semula imej parti.

"Kalau ucapan Dr Mahathir tadi tidak dapat dihayati, maka tidak relevanlah parti kita dari segi semangat perjuangan," katanya.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, bersetuju dengan saranan Presiden supaya penyokong bekas ketua pergerakan itu, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, memberi kerjasama kepada barisan pemimpin yang baru.

Beliau berkata, adalah satu perkara yang merugikan sekiranya mereka (penyokong Zaharah) tidak memberi sokongan kepada Wanita kerana setiap program yang diatur barisan baru itu, hanyalah untuk kepentingan ahli.

Ketika ditanya sama ada beliau dapat menyatukan semula ahli Wanita, Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, ahli pergerakan itu memang tidak inginkan perpecahan.

"Bukan saya yang akan satukan. Itu semua perasaannya ... kalau dia sayang pada parti, ikutlah program, yang dibuat. Sekarang ini, Wanita Umno kena tepuk dada, tanya selera ..." katanya.

Ketua Menteri Melaka yang juga ahli MT, Datuk Wira Ali Rustam, berkata semua perwakilan perlu menjadikan pengalaman pada pilihan raya lalu sebagai cabaran untuk mereka kerja dengan lebih kuat.

"Jika semua ahli Umno bekerja dengan lebih gigih tanpa mengutamakan balasan, saya yakin parti ini boleh mencapai majoriti undi yang lebih baik pada pilihan raya akan datang," katanya.

Ahli MT, Datuk Kadir Sheikh Fadzil berkata ucapan Presiden itu dapat menggerakkan ahli untuk memperkukuhkan parti.

"Saya berasa Presiden sudah memberangsangkan ahli dan tepukan gemuruh secara spontan oleh semua perwakilan menunjukkan ada semangat baru," katanya.

(END)